

Untuk Siaran Segera



PR1MA TEROKA KERJASAMA STRATEGIK BAGI MELESTARIKAN PEMBANGUNAN KEDIAMAN MAMPU MILIK

KUALA LUMPUR, 3 JULAI 2024 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah menyerahkan Surat Tunjuk Minat bagi meneroka kerjasama dengan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei Malaysia) serta memeterai semula Memorandum Persefahaman (MOU) bersama SANY Construction Industry Development (M) Sdn Bhd (SCID), anak syarikat SANY Global yang berpangkalan di China, dalam meneruskan usaha bagi melestarikan pembangunan PR1MA di seluruh Malaysia, termasuk kediaman dan fasiliti.

Sesi penyerahan Surat Tunjuk Minat kepada Huawei Malaysia serta pertukaran MOU antara PR1MA dengan SCID ini telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, dan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Pavilion Malaysia, Kuala Lumpur Convention Centre bersempena ASEAN-China Ministerial Roundtable on Construction and Housing (ACMROCH) 2024 di International Architecture, Interior Design and Building Exhibition (ARCHIDEX) 2024.

Kerjasama yang diteroka oleh PR1MA dengan Huawei Malaysia adalah melalui anak syarikatnya, PR1MA Communications Sdn. Bhd. (PCSB). Ia bertujuan untuk mengintegrasikan peranti pintar Huawei Malaysia ke dalam pembangunan PR1MA.

Sementara itu, pemeteraian semula MOU antara PR1MA dan SCID adalah lanjutan daripada MOU yang telah ditandatangani pada 1 April 2023, yang kini diperbaharui bagi memperkuatkukan kolaborasi di bawah agenda pembinaan, pembangunan modal insan serta pengurusan lestari berlandaskan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG). Usaha ini selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI pada Jun yang lepas dalam meneroka potensi kerjasama di antara Malaysia dan China dalam bidang perumahan, teknologi serta perancangan bandar.

Pengukuhan kerjasama antara PR1MA dan SCID adalah bertujuan untuk meneruskan usaha giat bersama gergasi industri global dalam penerapan teknologi pembinaan *Industrialised Building System* (IBS) khususnya bagi Bandar PR1MA yang baru dilancarkan pada bulan Jun yang lepas. Kolaborasi ini juga akan meneroka kerjasama strategik di bawah program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta penerapan teknologi mesra alam seperti sistem tenaga solar serta kenderaan elektrik (EV) yang merangkumi trak pengurusan sisa, trak sanitasi, kenderaan perkhidmatan awam dan sebagainya di kediaman PR1MA di seluruh negara.

“PR1MA berharap kerjasama strategik bersama Huawei ini akan memastikan integrasi peranti pintar yang inovatif ke dalam kediaman PR1MA bagi meningkatkan keselesaan, kemudahan, dan keselamatan para penduduk. Selain itu, inisiatif bersama Huawei Malaysia dan SCID ini dijangka akan memacu pertumbuhan pasaran, menggalakkan kemajuan teknologi, dan menetapkan piawaian industri yang baharu,” kata YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA.

Melalui inisiatif dengan Huawei Malaysia dan SCID, PR1MA berusaha untuk memperkenalkan lebih banyak inovasi dalam sektor perumahan yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada penduduk dan pembeli rumah PR1MA. Dengan memanfaatkan kepakaran global dan teknologi canggih dengan rakan strategik, PR1MA berhasrat untuk terus menjadi peneraju dalam menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti tinggi, mampan dan inovatif, sejajar dengan aspirasi KPKT.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dala'il (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)